



# **JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR**

**LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA**

**5 MAC 2026 (KHAMIS)**

## Mekanik Sepak Kucing dijel 22 Bulan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Kosmo	Negara	12	5 Mac

**NEGARA »12**

### Mekanik sepak kucing dijel 22 bulan

Tertuduh yang berusia 40 tahun terpaksa beraya di Penjara Kajang selepas gagal melunaskan denda RM60,000 atas kesalahan menyepak dan mencampak seekor anak kucing sehingga menyebabkan kematian.

## Mekanik campak kucing dijel 22 bulan

- Gagal bayar denda RM60,000
- Sambut Aidilfitri di Penjara Kajang

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB

**SHAH ALAM** – Perbuatan kejam seorang mekanik menyepak dan mencampak anak kucing sehingga mati mengundang padah selepas dipenjarakan selama 22 bulan oleh Mahkamah Sesyen di sini, semalam.

Mohd. Daniel Hakim Abdulah, 40, selaku Orang Kena Saman (OKS) dijatuhi hukuman itu selepas gagal melunaskan denda RM60,000 yang dikenakan Hakim Nor Hasniah Ab. Razak.

Keputusan tersebut menyebabkan lelaki itu terpaksa menyambut Aidilfitri di Penjara Kajang, meninggalkan isteri serta anaknya yang baharu berusia tujuh bulan.

Mengikut pertuduhan, Mohd. Daniel didakwa dengan kejam telah menyepak dan mencam-



MOHD. DANIEL selepas prosiding kes menyepak dan mencampak kucing di mahkamah Shah Alam, semalam.

pak seekor anak kucing berwarna putih sehingga menyebabkan kematian haiwan itu di hadapan

sebuah unit flat di Seksyen U16 di sini, antara pukul 4.50 hingga 5 pagi, 3 Oktober tahun lalu. Dia

didakwa mengikut Seksyen 29(1) (a) Akta Kebajikan Haiwan 2015. Berdasarkan fakta kes, ter-

tuduh menemui dua ekor anak kucing berwarna hitam dan putih di hadapan rumahnya sebelum memasukkan haiwan itu dalam beg kitar semula dan membawa ke hadapan unit rumah lain.

Dia kemudian mengeluarkan kedua-duanya sebelum mencampak dan menyepak. Perbuatan tersebut dirakam kamera televisyen litar tertutup (CCTV) dan tular di media sosial.

Hasil bedah siasat terhadap bangkai anak kucing itu mendapati terdapat kesan retak pada tengkorak kepala, pendarahan paru-paru serta patah tulang rusuk yang membawa kepada kegagalan sistem pernafasan.

Pendakwaan dikendalikan Pegawai Pendakwa Jabatan Perkhidmatan Veterinar Selangor, Mohd. Sharif Sabran, manakala tertuduh diwakili Peguam Amarah Badriyah Azahar.

Sebelum ini, tular video berdurasi 57 saat memaparkan aksi seorang lelaki menganiaya beberapa ekor kucing sehingga mengundang kecaman netizen.

# Mekanik Bunuh Anak Kucing Kena Penjara 22 Bulan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Berita Harian	Nasional	16	5 Mac

## Mekanik bunuh anak kucing kena penjara 22 bulan

**Shah Alam:** Seorang mekanik didenda RM60,000 atau penjara 22 bulan oleh Mahkamah Sesyen di sini, semalam selepas mengaku bersalah mencampak dan menyepak seekor anak kucing sehingga mati.

Mohd Daniel Hakim Abdul-lah, 40, selaku Orang Kena Sakam (OKS) memberitahu mahkamah dia tidak mampu membayar denda berkenaan. Hakim Nor Hasniah Ab Razak kemudian memerintahkan OKS menjalani hukuman di Penjara Kajang.

Mengikut kertas pertuduhan, Mohd Daniel Hakim dengan kejamnya menyepak dan mencampak anak kucing putih sehingga menyebabkan kematian.


Bapa seorang anak itu didakwa melakukan kesalahan berkenaan antara jam 4.50 pagi hingga 5 pagi di hadapan sebuah

unit rumah Pangsapuri Melati, Seksyen U16, Shah Alam pada 3 Oktober 2025.

Dia didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 29(1)(a) Akta Kebajikan Haiwan 2015 [Akta 772] dan boleh dihukum mengikut Seksyen 29 (1) akta sama yang memperuntukkan denda tidak kurang daripada RM20,000 dan tidak melebihi RM100,000 atau dipenjara tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya.

Mengikut fakta kes, pada hari kejadian, OKS terjumpa dua kucing berwarna hitam dan putih sebelum memasukkannya ke dalam sebuah beg kitar semula dan membawanya ke hadapan sebuah unit rumah serta mencampaknya ke lantai.

OKS menyepak kedua-dua anak kucing itu dan meletakkan anak kucing hitam di atas tem-



Mohd Daniel Hakim dibawa ke Mahkamah Sesyen, Shah Alam, semalam. (Foto Faiz Anuar/BH)

bok dapur rumah jirannya.

Perbuatan OKS direkodkan kamera litar tertutup (CCTV) dan tular di pelbagai rangkaian media sosial.

Peguam Amirah Badriyah Azahar memohon hukuman penjara singkat berikutan OKS tiada wang untuk membayar denda selain menghidapi darah tinggi serta migrain kronik.

Katanya, OKS bekerja sebagai mekanik dengan pendapatan RM1,700 sebulan dan menanggung seorang isteri yang tidak bekerja, seorang bayi berusia

tujuh bulan dan ayah berusia 70 tahun.

“Difahamkan, ada tiga atau empat kucing tidak bertuan semula membuang najis di hadapan rumahnya dan OKS kerap membersihkan najis berkenaan, yang mana air cucian mengalir ke rumah unit bawah dan menyebabkan jirannya marah.

“Banyak aduan sudah dibuat ke pihak pengurusan pangsapuri dan kejadian berlarutan sejak sekian lama itu memberi tekanan pada OKS sehingga hilang pertimbangannya,” katanya.

# Mechanic Jailed 22 Months for Kicking Kitteng to Death

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
NST	Nation	10	5 Mac

UNABLE TO PAY RM60,000 FINE

## Mechanic jailed 22 months for kicking kitten to death

**SHAH ALAM:** A mechanic, who was caught on film kicking and throwing a kitten to its death last year, was sentenced to 22 months' jail by the Sessions Court here yesterday after failing to pay a RM60,000 fine.

Mohd Daniel Hakim Abdullah, 39, was charged with cruelly kicking and throwing a white kitten, causing its death, at an apartment in Section U16 between 4.50am and 5am on Oct 3.

Judge Nor Hasmah Ab Razak imposed the sentence on Daniel after he pleaded guilty to the charge.

The court ordered the sentence to take effect yesterday.

According to the facts of the case, the accused found two kittens in front of his house, placed them in a bag and carried them to a neighbour's house before taking them out and kicking them.

The act was captured on closed-circuit television (CCTV) camera, and the footage later went viral on social media.

Acting on a complaint, a team

from the Selangor Animal Welfare Office arrived at the scene at 9.15pm the same day and found a dead white kitten that had been buried.

A post-mortem conducted on Oct 9 revealed a cracked skull, bleeding in the lungs and fractured ribs.

The cause of death was identified as respiratory failure.

The accused was charged under Section 29(1)(a) of the Animal Welfare Act 2015, which provides for a fine of between RM20,000 and RM100,000, up to three years' imprisonment, or both.

Earlier, defence counsel Amirah Badriyah Azahar appealed for a jail sentence of less than one year, saying her client could not afford the fine as he earned RM1,700 a month and was supporting his wife, a 7-month-old child and his 76-year-old father.

She said the accused, who suffers from high blood pressure and chronic migraines, acted out of "prolonged stress" caused by stray cats frequently defecating



Mohd Daniel Hakim Abdullah at the Shah Alam Sessions Court, yesterday. NSTP PIC BY FAIZ ANUAR

in front of his house.

Amirah Badriyah added that the accused had lodged complaints with the apartment management, but no action was taken, leading to an emotional

outburst where he lost his judgment.

Selangor Veterinary Services Department prosecuting officer Mohd Sharif Sabran urged the court to impose a heavy sentence

as a lesson to the public against mistreating animals.

The court subsequently imposed a RM60,000 fine, with 22 months' imprisonment in default of payment. **Bernamea**

## Mekanik Sepak Anak Kucing hingga Mati dijel 22 Bulan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Harian Metro	Lokal	19	5 Mac

# Mekanik sepak anak kucing hingga mati dijel 22 bulan

**Shah Alam:** Tindakan seorang mekanik mencampak dan menyepak seekor anak kucing hingga mati membawa padah apabila dia di-jatuhi hukuman penjara 22 bulan oleh Mahkamah Sesyen di sini, semalam.

Hakim, Nor Hasniah Ab Razak terdahulu menjatuhkan hukuman denda RM60,000 atau penjara 22

bulan sekiranya gagal bayar kepada Mohd Daniel Hakim Abdullah, 40, selaku Orang Kena Saman (OKS).

Difahamkan, bapa ke-pada seorang anak itu tidak membayar denda dan akan menjalani hukuman di Penjara Kajang.

Mengikut kertas pertu-duhan, Mohd Daniel Hakim dengan kejamnya menye-

pak dan mencampak anak kucing hingga me-nyebabkan kematian haiwan itu.

Dia didakwa melaku-kan kesalahan itu antara jam 4.50 pagi hingga jam 5 pagi di hadapan se-buah unit rumah Pang-sapuri Melati, Seksyen U16, Shah Alam pada 3 Oktober 2025.

## PPM Rampas Ayam dan Daging Sejuk Beku Lebih RM14.5 Juta di Penampang

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Utusan Borneo	Sabah	Dalam Talian	4 Mac



*SERBU: Pasukan PPM dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia serta KKM menyerbu premis yang dipercayai dijadikan lokasi penyimpanan produk ayam dan daging sejuk beku.*

**PENAMPANG:** Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah 4 Sabah merampas pelbagai produk ayam dan daging sejuk beku seberat 552,851.24 kilogram bernilai kira-kira RM14.56 juta dalam satu operasi bersepadu di Kampung Nambazan, Donggongan di sini.

Serbuan kira-kira jam 10 pagi Selasa itu dijalankan bersama Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hasil risikan

serta perkongsian maklumat antara agensi penguat kuasa.

Komander PPM Wilayah 4 Sabah, Asisten Komisioner Ahmad Amri Abd Rahman berkata, pemeriksaan di sebuah premis yang dipercayai dijadikan lokasi penyimpanan produk ayam dan daging sejuk beku menemukan kuantiti bahan mentah yang sangat banyak.

“Pemeriksaan lanjut bersama pihak KKM mendapati terdapat sebahagian produk

ayam dan daging yang sudah tamat tempoh.

“Selain itu, Jabatan Perkhidmatan Veterinar turut mengesan keraguan terhadap dokumen yang dikemukakan apabila berlaku ketidakpatuhan terhadap peruntukan undang-undang berkaitan keselamatan makanan dan peraturan veterinar,” katanya dalam kenyataan media di sini.

Menurutnya, seorang lelaki warga tempatan yang berada di premis berkenaan ditahan bagi membantu siasatan lanjut.

“Turut dirampas dalam operasi itu ialah sebuah fasiliti penyimpanan sejuk beku (cold storage) yang digunakan untuk menyimpan bekalan berkenaan.

“Kes disiasat mengikut Akta Perkhidmatan Veterinar 2015 dan Akta Makanan 1983,” katanya.

Ahmad Amri berkata, PPM Wilayah 4 Sabah akan terus mempergiat operasi bersepadu bersama agensi penguat kuasa lain bagi memastikan produk makanan di pasaran mematuhi piawaian keselamatan dan peraturan ditetapkan.

Beliau turut mengalu-alukan kerjasama orang ramai untuk

menyalurkan maklumat berkaitan sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang demi menjamin keselamatan serta kesejahteraan masyarakat dan negara.-[UTUSANBORNEO](#)

## Kelantan Tambah Dana Kandang Kambing Lestari

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Harakah Daily	Berita	Dalam Talian	4 Mac



*Gambar dari Harakah Daily*

PASIR PUTEH: Kerajaan Negeri Kelantan menambah peruntukan sebanyak RM210,000 kepada tujuh Dewan Undangan Negeri (DUN) terpilih bagi pembinaan kandang kambing yang lebih lestari dan sistematik.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi negeri, Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail, berkata setiap DUN menerima peruntukan RM30,000 bagi memastikan

pembinaan kandang mematuhi spesifikasi yang diiktiraf Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kelantan.

Menurut beliau, inisiatif tersebut dilaksanakan sebagai sokongan kepada penubuhan Goat Milk Collection Centre (GMCC) yang bakal berfungsi sebagai pusat pengumpulan dan pemprosesan susu kambing di negeri ini.

“Usaha ini dibuat bagi menyambut baik penubuhan

GMCC hasil kerjasama antara Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur dan Kerajaan Negeri Kelantan.

“Pembinaan kandang yang tersusun serta mengikut piawaian amat penting bagi memastikan bekalan susu kambing yang dihantar ke pusat pengumpulan menepati standard kualiti yang ditetapkan,” katanya ketika merasmikan Majlis Gimik Penyerahan Bantuan Kambing Tenusu 2026 di Pejabat Jabatan Perkhidmatan Veterinar Pasir Puteh, di sini.

Tambahnya, projek pembinaan kandang tersebut turut melibatkan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kelantan sebagai agensi teknikal dalam aspek kesihatan haiwan dan pematuhan piawaian.

“Unit Perancang Ekonomi Negeri Kelantan menyediakan sokongan perancangan ekonomi, manakala Kelantan Biotech Corporation Sdn Bhd menggerakkan pembangunan rantai bekalan termasuk penyediaan sumber makanan ternakan serta sokongan teknologi,” ujarnya.

Beliau berkata, kewujudan GMCC memberi kelebihan besar kepada industri kambing tenusu Kelantan

kerana ia menyusun semula rantai nilai daripada peringkat ladang ke pasaran secara lebih sistematik dan berpiawaian.

“Susu kambing yang dikumpulkan akan melalui proses kawalan kualiti yang lebih ketat,” katanya.

“Ia sekali gus meningkatkan keyakinan pengguna serta membuka peluang pasaran lebih luas termasuk penghasilan produk hiliran seperti yogurt dan keju,” jelasnya.

Dalam pada itu, beliau memaklumkan dua buah GMCC masing-masing di Pasir Puteh dan Ketereh yang dibangunkan melalui kerjasama dengan East Coast Economic Region Development Council melibatkan kos lebih RM3 juta.

Katanya, pusat berkenaan dijangka siap sepenuhnya pada April ini dan memerlukan bekalan maksimum 1,000 liter sehari serta sekurang-kurangnya 300 liter sehari untuk beroperasi.

Sehubungan itu, beliau berharap projek tersebut mampu memperkukuh industri kambing tenusu negeri sekali gus meningkatkan pendapatan para penternak tempatan.

Tambahnya, semua penerima perlu memanfaatkan sepenuhnya peluang dan bantuan yang diberikan dengan penuh amanah kerana ia bukan sekadar sokongan sementara, tetapi satu tanggungjawab yang menuntut disiplin serta komitmen tinggi.

“Kejayaan peserta akan menjadi penanda aras kepada keberkesanan program kerajaan dari semasa ke semasa serta memenuhi harapan kerajaan negeri dan Persekutuan agar projek itu memberi impak besar kepada pembangunan industri penternakan negara,” katanya.-

[HARAKAHDAILY](#)

## RM1 Juta Perkasa Projek Kambing Tenusu Kelantan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Harakah Daily	Berita	Dalam Talian	4 Mac



*Gambar dari Harakah Daily*

PASIR PUTEH: Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kelantan (JPVNK) menerima peruntukan RM1 juta daripada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan Malaysia (KPKM) bagi melaksanakan Projek Ternakan Kambing Tenusu menerusi Program Kerjasama Kerajaan Negeri dan KPKM.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi negeri, Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail, berkata, dana tersebut disalurkan bagi

memperkuh penyertaan penternak kecil melalui pembangunan ternakan kambing tenusu yang lebih terancang, mampan dan berdaya saing.

Menurut beliau, langkah itu bertujuan meningkatkan pengeluaran susu segar tempatan sekali gus mengurangkan kebergantungan kepada produk import.

“Daripada jumlah keseluruhan peruntukan itu, sebanyak RM500,000 digunakan bagi perolehan 89

ekor kambing tenusu import dari Australia melibatkan 74 induk dan 15 pejantan.

“Kambing ini akan diagihkan kepada 16 penternak terpilih. Penternak sedia ada menerima antara lima hingga lapan ekor, manakala penternak baharu menerima dua hingga tiga ekor,” katanya ketika merasmikan Majlis Gimik Penyerahan Bantuan Kambing Tenusu 2026 di Pejabat Jabatan Perkhidmatan Veterinar Pasir Puteh, di sini.

Tambahnya, projek itu mampu memperkukuh tahap sekuriti makanan negeri dan negara khususnya dalam sektor pengeluaran susu kambing segar tempatan.

Sambunganya lagi, usaha itu bukan sahaja mengurangkan kebergantungan import malah membuka ruang kepada pengukuhan ekonomi luar bandar.

Tuan Saripudin turut mengingatkan para penerima supaya mengurus bantuan tersebut dengan penuh tanggungjawab kerana ia merupakan satu amanah.

Sementara itu, Pengarah JPVNK, Dr Yahasmida Yaacob, berkata, program berkenaan bukan sekadar penyerahan ternakan, sebaliknya sebahagian

daripada pelan berterusan untuk meningkatkan kapasiti pengeluaran susu kambing tempatan.

Menurutnya, inisiatif tersebut turut menyumbang kepada jaminan bekalan susu segar berkualiti dan selamat kepada pengguna.

“Bantuan ini perlu dimanfaatkan sebaik mungkin termasuk dari aspek pemakanan, penjagaan kesihatan ternakan serta pengurusan rekod pengeluaran.

“Kejayaan projek amat bergantung kepada komitmen dan kesungguhan penternak dalam mengusahakan ternakan secara sistematik dan berdaya maju,” katanya.

Tambahnya, pihak JPVNK akan terus menyediakan khidmat nasihat teknikal serta pemantauan berkala bagi memastikan projek mencapai objektif yang ditetapkan.

Seramai 16 penternak dari enam jajahan iaitu Kota Bharu, Pasir Puteh, Machang, Tanah Merah, Tumpat dan Bachok menerima manfaat daripada inisiatif tersebut.-

[HARAKAHDAILY](#)

## Mechanic Jailed 22 Months For Cat Abuse

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
FMT	Nation	Dalam Talian	4 Mac



*Daniel Hakim Abdullah pleaded guilty at the Shah Alam sessions court today to abusing a cat to death last year.*

SHAH ALAM: A mechanic will spend 22 months in jail for abusing a cat to death last year.

Judge Nor Hasniah Ab Razak had ordered a RM60,000 fine in default of 22 months' imprisonment after Daniel Hakim Abdullah, 39, pleaded guilty under Section 29(1)(a) of the Animal Welfare Act.

However, Daniel was unable to pay the fine and will therefore serve the custodial sentence.

According to the facts of the

case, the offence occurred at a flat in Pangsapuri Melati, Seksyen U16, on Oct 3, 2025.

Daniel placed two cats – one white and one black – in a plastic bag and brought them to the front of his unit.

He then took them out and kicked them violently. The black cat was left on a neighbour's kitchen wall, while the white cat later died.

The incident was captured by a CCTV camera along the walkway and quickly went

viral on social media.

Following complaints, officers from the veterinary services department (DVS) visited the apartment, and a local resident directed them to where the white cat had been buried.

Daniel was represented by lawyer Amirah Badriyah Azhar, while the prosecution was handled by DVS officer Sharif Sabran.-[FMT](#)

**TERIMA KASIH**

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR